

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA MPSP**

**MAJLIS PERASMIAN KEBUN KEJIRANAN - GREEN WAYS  
TAMAN KEENWAYS, BUKIT MERTAJAM**

**1 SEPTEMBER 2013 ( AHAD ), JAM 10.00 PAGI**

**PUSAT AKTIVITI RUKUN TETANGGA TAMAN KEENWAYS,  
BUKIT MERTAJAM**

---

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbadanan Seberang Perai**

**Yang Berusaha Encik Tan Seh Bah  
Pengerusi KRT Taman Keenways, Bukit Mertajam**

**Yang Dihormati Ketua-Ketua Jabatan  
Majlis Perbandaran Seberang Perai**

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

---

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

## **Salam Sejahtera dan Selamat Pagi**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada KRT Taman Keenways, Bukit Mertajam kerana sudi mengadakan program Kebun Kejiran – Green Ways pada pagi ini. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada para hadirin sekalian yang telah bersama-sama menjayakan Majlis Perasmian ini.

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin sekalian,

2. Pertanian secara amnya merupakan aktiviti yang melibatkan bercucuk tanam, menternak dan berkebun yang menghasilkan bahan makanan sama ada makanan manusia, ternakan atau bahan berguna lain. Kebun kejiran adalah aktiviti pertanian yang dijalankan di kawasan perumahan komuniti. Aktiviti seperti ini menggalakkan pengeluaran makanan tempatan yang dapat menjamin kesegaran makanan, menghasilkan pelbagai jenis tanaman, menyokong pembangunan ekonomi tempatan dan menggalakkan pertanian yang berdasarkan komuniti.

Tuan-tuan, puan-puan serta para hadirin sekalian,

3. Sejak dari tahun 2005 lagi, Taman Keenways telah aktif dalam pengumpulan barang kitar semula. Hasil jualan barang kitar semula ini telah digunakan untuk kebajikan masyarakat. Secara tidak langsung kita dapat lihat bahawa program kitar semula ini sedikit sebanyak dapat memulihara alam sekitar dan menjana pandapanan untuk tujuan kebajikan masyarakat. Penduduk Taman Keenways juga berusaha bagi mengurangkan sisa makanan dengan membuat kompos. Sebanyak 22 orang dari komuniti Taman Keenways ini telah mengambil bahagian dalam program menanam sayur dan usaha seperti ini amatlah dihargai.

Para hadirin sekalian,

4. Pada masa ini lebih 50% daripada sampah yang dipungut oleh MPSP adalah daripada sisa organik. Ini merupakan suatu jumlah yang agak tinggi dan amat membimbangkan. Pengurangan sisa organik seperti ini dapat membantu mengurangkan kepanasan global. Kita perlulah berfikir secara 'global dan act local'. Ini kerana jika kita mahukan persekitaran yang indah dan segar, kita sendirilah yang harus bertindak dalam memulihara alam sekitar. Segala hasil kerja tuan-tuan ialah satu usaha yang murni. Kita perlu menghadapi cabaran dengan

pertambahan sampah setiap hari, konsep 4R ( Rethink, Reduce, Reuse and Recycle) haruslah diamalkan dan menjadi budaya hidup kita. Walaupun sukar untuk kita mengubah cara pemikiran bagi pengurangan penggunaan dan menghadapi banyak rintangan terhadapnya, namun MPSP akan terus berusaha sedaya-upaya menuju ke arah sisa sifar.

5. Pada 5 Jun yang lepas, Sambutan Hari Alam Sekitar telah diadakan dengan menggunakan slogan "Think, Eat and Save". Selari dengan tema dan slogan untuk sambutan hari alam sekitar ini kita digalakkan untuk tidak membazir. Menurut kajian United Nations, 40% makanan telah dibazirkan semasa dalam proses pengeluaran, pemprosesan, pengangkutan dan penggunaan.

Para Hadirin sekalian,


6. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menandatangani MOU dengan Kawasaki City untuk kajian "Waste to Energy." Kajian ini merupakan program atau aktiviti untuk menukarkan hasil sisa kepada tenaga. Selain daripada membuat kompos, hasil sisa makanan juga boleh menjana biogas dan menjana kuasa elektrik. Saya berharap

mungkin satu hari nanti banyak penghuni rumah yang akan mengamalkan sistem "Waste to Energy" ini.

Untuk makluman semua, sebenarnya sampah yang kita hasilkan setiap hari bukannya sampah, tetapi ianya ialah sumber alam yang boleh dikitar semula. Contohnya seperti kertas, kadboard, botol plastik, tin, aliminium, kotak minuman dan sisa organik untuk tujuan kompos. Manakala bahan yang tidak boleh dikitar semula ialah bungkusan plastik yang berwarna.

7. MPSP berharap Taman Keenways dapat berusaha ke arah mewujudkan Taman Perumahan Sisa Sifar satu hari nanti dimana MPSP hanya perlu melakukan kutipan sampah di taman ini seminggu sekali sahaja.

Akhir kata dari saya, dengan lafaz



saya merasmikan Pelancaran Kebun Kejiran – Green Ways, Taman Keenways, Bukit Mertajam ini.

Sekian, wabillah hitaufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh . Terima kasih.